

26/12/2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

PBAPP MASIH MENUNGGU KELULUSAN KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK CADANGAN SEMAKAN WCS

- **8 bulan sejak PBAPP mula mengemukakan cadangan bertarikh 28/4/2017.**
- **5 kali menghantar cadangan apabila diminta oleh SPAN, yang terkini bertarikh 20/11/2017.**
- **Semakan WCS tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan.**

PULAU PINANG, Selasa (26/12/2017): Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) masih menunggu kelulusan Kerajaan Persekutuan mengenai cadangan surcaj penjimatan air (WCS) di Pulau Pinang ... selepas 8 bulan dan 5 kali menghantar semula cadangan.

Pada 28/4/2017, PBAPP menghantar permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk semakan semula WCS, dari RM0.48 setiap 1,000 liter kepada RM1.00 setiap 1,000 liter. Sila ambil perhatian bahawa WCS hanya dikenakan bagi penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan.

Sejak itu, SPAN telah meminta PBAPP untuk menghantar semula permohonannya sebanyak 5 kali. Penghantaran semula bertarikh 20/6/2017, 23/6/2017, 8/9/2017, 25/10/2017 dan 20/11/2017.

Mengikut perundangan, permohonan PBAPP tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab meluluskan tarif air dan caj perkhidmatan air mengikut Akta SPAN 2006 (Akta 654) dan WSIA (Akta Industri Perkhidmatan Air) 2006 (Akta 655).

WCS adalah komponen penting dalam strategi pengurusan permintaan air PBAPP; dan ia selaras dengan arahan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) bagi Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan domestik per kapita.

Objektif utama WCS adalah untuk menggalakkan lebih banyak pengguna domestik di Pulau Pinang menggunakan kurang daripada 35,000 liter air sebulan.

- Dalam tempoh 2000 - 2010, penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang meningkat dari 255 liter/kapita/hari (l/k/h) kepada 291 l/k/h. Unjuran menunjukkan ia akan mencapai 315 l/k/h pada 2016 tanpa WCS.
- Pada 2016, penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang “dihadkan” pada 286 l/k/h, dengan WCS sedia ada RM0.48 . Walau bagaimanapun, 286 l/k/h masih 36.8% (77 l/k/h) lebih tinggi daripada purata kebangsaan 209 l/k/h.
- Pada 2017, PBAPP merancang untuk mengurangkan penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang sebanyak 10%, kepada kira-kira 257 l/k/h, dengan cadangan WCS RM1.00.

Walaupun bagaimanapun, tanpa kelulusan Kerajaan Persekutuan, PBAPP tidak boleh melaksanakan WCS RM1.00 secara sah.

SOKONGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Dalam cadangan awal yang dihantar dan 5 cadangan yang dihantar semula kepada SPAN, PBAPP telah menjelaskan fakta dan angka berikut:

1. PBAPP beroperasi selaras dengan dasar “Tiada Catuan Air” yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, penggunaan domestik per kapita yang tinggi di Pulau Pinang mesti dikurangkan, untuk mengurangkan risiko catuan air ketika musim kemarau.
2. Dengan mencadangkan WCS yang lebih tinggi, PBAPP berusaha untuk mengurangkan penggunaan air domestik, yang merangkumi 59.4% daripada keseluruhan penggunaan air di Pulau Pinang pada tahun 2016.

3. PBAPP telah mengkaji semula bajet perbelanjaan modal (capex) untuk mengelakkan semakan tarif yang akan memberi kesan kepada 589,797 pengguna air berdaftar.
4. Cadangan semakan WCS hanya akan menjejaskan 23% pengguna domestik yang menggunakan lebih dari 35,000 liter air sebulan. Lebih-lebih lagi, pengguna domestik ini mempunyai pilihan untuk mengelakkan WCS dengan hanya menggunakan kurang daripada 35,000 liter air setiap bulan.
5. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberi pinjaman mudah kepada PBAPP untuk membiayai bajet *capex* yang disemak semula. Kerajaan Negeri juga telah mengurangkan bayaran pengambilan air, yang dibayar oleh PBAPP, sebanyak 50%.

Adalah jelas bahawa PBAPP mengutamakan pemuliharaan air domestik sebagai inisiatif lestari dan mesra alam di Pulau Pinang, dengan sokongan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

PBAPP berharap SPAN dan KeTTHA akan menyokong usaha pemuliharaan air dan pengurusan permintaan air di Pulau Pinang, dengan mengutamakan kelulusan cadangan WCS RM1.00.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my